

24/01/2002

Permohonan PBS sertai semula BN diterima

Kadir Dikoh; Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Rabu - Selepas 12 tahun, Parti Bersatu Sabah (PBS) hari ini diterima semula menyertai Barisan Nasional (BN) tanpa sebarang syarat.

Mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini yang membuat keputusan itu bagaimanapun menolak permohonan tiga lagi parti iaitu Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF), Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) dan Parti Punjabi Malaysia (PPM).

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tiada sebarang syarat dikenakan, sama ada oleh BN atau PBS ketika keputusan sebulat suara itu dibuat. "Ini bermakna mereka perlu patuh kepada peraturan. Kita tidak boleh menganggap bahawa kemasukan mereka mestilah dibalas dengan apa-apa untuk diri mereka.

"Namun demikian, BN berhak untuk membuat sebarang keputusan bagi PBS dan ahli-ahlinya," kata Perdana Menteri selepas mesyuarat lebih dua jam itu.

PBS pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan mengemukakan permohonan untuk kembali menyertai BN pada 15 November lalu selepas mendapat mandat ahlinya dan Majlis Tertinggi (MT) parti itu.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat petang ini bagaimanapun tidak membincangkan isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang dibantah dan diminta dimansuhkan oleh PBS sebelum ini.

PBS pertama kali menyertai BN pada 1986 tetapi keluar daripada gabungan itu beberapa hari sebelum pilihan raya umum 1990.

Ditanya sama ada BN sudah memastikan peristiwa seperti itu tidak akan diulangi PBS, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak boleh tilik...kadang-kadang berlaku perkara yang kita tak tahu."

Mengenai kemungkinan BN akan turut mengagihkan jawatan dalam Kabinet Kerajaan Pusat kepada wakil PBS selepas ini, Perdana Menteri berkata kemasukan parti itu ke dalam BN adalah tanpa syarat.

"Kita tak ada janji apa, kita tidak menolak kemungkinan itu," katanya sambil menyatakan persetujuannya dengan pelantikan 13 anggota PBS menyertai majlis kerajaan tempatan di Sabah hari ini.

"Tetapi saya tidak tahu sama ada pemberian jawatan tertentu kepada wakil PBS akan datang kemudian. Jika mereka (PBS) datang, kita boleh bincang mengenainya. Buat masa ini, ia cuma spekulasi oleh pihak media. Kita tidak bincang spekulasi," katanya.

Ditanya sama ada akan timbul masalah khususnya berkaitan pengagihan kerusi untuk ditandingi ahli parti komponen di Sabah pada pilihan raya umum akan datang berikutan kemasukan PBS, beliau berkata:

"Saya tidak menjangka apa-apa. BN mendapat sokongan majoriti. Kita tidak boleh dapat sokongan setiap orang," katanya.

Bagaimanapun, katanya, terpulang kepada parti politik yang mewakili masyarakat Kedazan-dusun di Sabah sama ada mahu bergabung atau tidak. BN akan tetap menerima keahlian mereka.

Mengenai IPF, beliau berkata parti MIC sekali lagi menyatakan kesediaan untuk menerima keahlian parti itu, tetapi BN belum bersedia menerima IPF sebagai anggotanya.

"Kita tidak dapat mencapai kata sepakat berkenaan penyertaan IPF sebagai anggota komponen BN. Itu adalah keputusan yang dibuat. Pada masa yang sama kita juga berpendapat bahawa kita harus memikir mengenai satu cara bagaimana IPF boleh atau mengambil bahagian dalam BN, tidak sebagai ahli komponen," katanya.

Presiden MIC, Datuk Seri S Sammy Vellu ketika ditemui kemudian berkata

partinya bersikap terbuka dan bersedia menerima ahli IPF.

Dr Mahathir pula berkata, tidak ada parti komponen yang membantah kemasukan Parti PPM dan Kimma. Keputusan menolak permohonan dua parti itu dibuat secara muafakat tetapi mereka masih boleh menyokong BN dari luar.

Mesyuarat petang ini turut menimbang permintaan Pergerakan Pemuda dan Wanita BN supaya ketua mereka menjadi ahli Dewan Tertinggi BN.

"Kita berpendapat perkara ini harus dirujuk balik kepada parti masing-masing. Pada masa yang sama, kita berpendapat mungkin boleh menimbang penyertaan yang tidak hanya terhad kepada ketua pemuda dan ketua wanita BN sahaja, mungkin juga satu dua orang lagi daripada anggota pemuda dan wanita BN," katanya.

(END)